

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 08 APRIL 2014

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan dan cadangan untuk melaksanakan projek menaik taraf sistem perparitan ekor an kejadian bencana alam seperti banjir kilat yang telah melanda seluruh negara termasuk kawasan Bintulu baru-baru ini; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan dalam melaksanakan projek seperti mendalamkan dasar sungai yang semakin cetek di seluruh negara termasuk kawasan Bintulu seperti Sungai Kemena, Sungai Sebieu, Sungai Sebatang, Kuala Suai dan lain-lain serta projek pembersihan tebing sungai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bagi kawasan Bintulu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memperuntukan sebanyak RM 2 juta dalam RMKe-10 untuk menaik taraf saliran kepada Lembaga Pembangunan Bintulu (BDA) di bawah peruntukan RTB Pelbagai Bahagian Negeri Sarawak.

- (b) Sebanyak RM 79 juta telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2014 bagi kerja-kerja mengorek dan mendalamkan sungai. Walaubagaimana pun kelulusan peruntukan tersebut tidak meliputi projek mendalamkan dasar sungai di kawasan Bintulu.

Sekian, terima kasih.